

## INGGERIS MENCAMPURI PEMERINTAHAN DI NEGERI SEMBILAN

Selepas Perang Naning tahun 1813-1832, Raja Ali dan menantunya Syed Shaaban telah bersahabat dengan Orang Inggeris kerana Raja Ali dan Syed Shaaban telah membantu orang Inggeris mengalahkan Naning (Ketua Naning ialah Dol Said). Pada masa itu juga Raja Ali telah menggelarkan dirinya Yamtuan Besar Negeri Sembilan dan menantunya Syed Shaaban dilantik menjadi Yamtuan Muda Rembau. Tetapi Raja Ali yang menggelarkan dirinya Yamtu-an Besar Negeri Sembilan tidak diakui oleh Undang Yang Empat dan Penghulu-Penghulu di Negeri Sembilan.

Raja Ali dan Syed Shaaban telah dua kali membuat surat perjanjian persahabatan dengan orang Inggeris. Pertama pada 20 Januari 1832 dan kedua pada 9 Januari 1833. Kira-kira pada masa itu juga, permusuhan di antara Tok Muda Linggi yang bernama Tok Muda Katas dengan Syed Shaaban berlaku. Tok Muda Katas mencuba hendak memutuskan persahabatan di antara Syed Shaaban dengan orang Inggeris tetapi tidak berhasil. Pada masa itu, seorang bernama Nakhoda Lub berikhtiar hendak mendapatkan pertolongan daripada Syed Shaaban, kerana ia hendak menyerang Tok Muda Katas di Linggi. Nakhoda Lub telah memberi Syed Shaaban sebilah keris dan sebuah pending yang berharga. Syed Shaaban telah membantu Nakhoda Lub menyerang Linggi tetapi serangan itu tidak berjaya. Tidak lama selepas itu, Tok Muda Katas pula menyerang tempat Syed Shaaban. Syed Shaaban telah meminta bantuan Datuk Nganit Undang Rembau yang ketiga belas (1819-1838) tetapi Datuk Nganit merasa tidak ada sebab mengapa ia mesti membantu Syed Shaaban yang bermusuhan dengan Tok Muda Katas itu.

Syed Shaaban marah kepada Datuk Nganit lalu menghantar pasukannya menyerang Rembau hendak membunuh Datuk Nganit. Datuk Nganit dapat melepaskan diri tetapi rumahnya habis dibakar oleh pengikut Syed Shaaban. Orang-orang Rembau marah kepada Syed Shaaban kerana perbuatannya itu dan mereka telah menyebelahi Datuk Nganit. Datuk Kelana Sungai Ujong pun marah kepada Syed Shaaban lalu menyebelahi Datuk Undang Rembau melawan pihak Syed Shaaban. Undang Luak Sungai Ujong dan Undang Rembau telah bersepakat lalu melantik Raja Radin menjadi Yamtu-an Seri Menanti (1830-1861). Datuk Nganit Undang Rembau dengan Datuk Kelana Kawal Undang Sungai Ujong telah bersatu lalu menghalau Syed Shaaban dan mertuanya Raja Ali keluar dari Rembau. Pada tahun 1834, Raja Ali keluar dari Rembau dan berada di Lukut. Syed Shaaban telah pergi ke Tampin pada tahun 1834 lalu memerintah di situ dan menggelarkan dirinya Tengku Besar Tampin.

Di pertengahan Kurun Masihi yang kesembilan belas, kerajaan Inggeris di Negeri-Negeri Selat mencampuri hal ehwal pemerintahan di Negeri Sembilan. Pada tahun 1844 gabenor Negeri-Negeri Selat telah memberi amaran kepada Tok Muda Katas di Linggi supaya Datuk itu jangan mempedulikan saudagar-saudagar Inggeris yang cuba memujuk Datuk membenarkan mereka membuka perniagaan di Linggi seperti saudagar yang bernama Westerhout dan Neubronner serta kawan-kawan mereka. Kerajaan Inggeris menyatakan ia tidak akan mencampuri perniagaan bijih timah yang berada dalam tangan Tok Muda Katas. Dalam bulan Jun tahun 1845, Datuk Kelana Sungai Ujong, menerusi syarikat saudagar Neubronner telah memberitahu gabenor Negeri-Negeri Selat tentang perkelahianya dengan Tok Muda Katas sehingga Tok Muda Katas menutup Sungai Linggi dan perniagaan bijih timah dari melalui sungai itu. Dalam pada itu gabenor Negeri-Negeri Selat telah memberitahu kepada Datuk Kelana supaya memaklumkan hal itu terus kepada-nya tanpa melalui Neubronner. Gabenor itu menasihatkan pula Datuk Kelana supaya jangan membuat apa-apa perhubungan dengan saudagar Inggeris yang mencari faedah diri sendiri di tempat Datuk Kelana dan jangan membenarkan orang-orangnya membeli senjata ke Melaka dan orang-orang di Melaka pun tidak akan menjual senjata ke Linggi atau ke Sungai Ujong.

Pada tahun 1850, Raja Ali mertua Syed Shaaban telah mening-

gal dunia di Keru dekat Tampin. Pada masa itu Syed Shaaban sedang dalam penjara Melaka kerana dihukum penjara selama enam bulan. Tidaklah diketahui sebab Syed Shaaban terpenjara itu. Orang Inggeris tidak membenarkan Syed Shaaban keluar dari penjara untuk menguruskan pengkebumian jenazah mertuanya Raja Ali. Oleh sebab itu, istiadat pengkebumian jenazah Raja Ali itu diuruskan oleh Raja Lebar isteri Syed Shaaban.

Pada tahun 1852 Lebai Kulub, seorang pegawai kepada Datuk Undang Luak Rembau didapati telah memungut cukai di Kuala Linggi. Tiga tahun kemudian iaitu pada bulan Ogos tahun 1855, Datuk Kelana Sungai Ujong menghantar pasukannya menyerang dan menghalau Lebai Kulub dari kubu pertahanannya di simpang satu tempat di Sungai Linggi. Dalam serangan itu Datuk Kelana tidak mendapat apa-apa bantuan dari orang Inggeris; tetapi Datuk Kelana telah mengibarkan bendera Inggeris untuk menakutkan lawannya. Dalam bulan November tahun 1855 itu juga, gabenor Negeri-Negeri Selat telah mengeluarkan kenyataan melarang mendirikan kubu di tepi Sungai Linggi dan di Sungai Ujong. Dalam tahun 1856 gabenor tersebut berjanji menghantar sebuah kapal perang berulang ke Sungai Linggi dan ke Sungai Ujong untuk melihat sama ada perintahnya itu dituruti oleh orang-orang di sana.

Dalam tahun 1860 dan 1861, seorang yang bernama Haji Musa telah mengenakan cukai kepada perahu-perahu perniagaan orang Inggeris yang melalui Lubuk Cina dengan perintah dan kebenaran Datuk Sedia Raja, Undang Rembau. Pada tahun 1861, gabenor Negeri-Negeri Selat memberitahu kepada Datuk Kelana Sungai Ujong bahawa orang Inggeris tidak akan masuk ke Sungai Ujong jika tidak dengan kebenaran Datuk Kelana; dan tidak membenarkan rakyat Inggeris membeli tanah di situ. Kemudian pada tahun 1862, gabenor itu meminta dan menasihatkan Datuk Kelana Sungai Ujong supaya jangan merosakkan perniagaan di Sungai Ujong dengan menggalakkan pergaduhan kecil di situ.

Datuk Undang Johol telah memberitahu kerajaan Inggeris bahawa ia akan menyerahkan lombong bijih timah di Gemencheh kepada kerajaan Inggeris sekiranya orang Inggeris mahu menyerang Gemencheh dan menghalau Raja Jaafar. Puncanya ialah kerana Undang Johol telah menyewakan beberapa buah lombong kepada taukeh Baba Bom Tiong dan taukeh Cam. Oleh sebab itu Raja Jaafar

marah dan telah menyerang Undang Johol serta membunuh orang-orangnya. Malangnya permintaan Undang Johol itu tidak diperkenankan oleh kerajaan Inggeris. Selepas itu Datuk Undang Johol mengadu lagi kepada pihak Inggeris kerana ia dipaksa membayar sebanyak \$300.00 kepada seorang yang bernama Lela Menteri yang memungut cukai di Air Kuning. Datuk Undang Johol meminta pihak Inggeris menghalau Lela Menteri dari Air Kuning kerana tempat itu dipunyai oleh kerajaan Inggeris. Tetapi tidaklah diketahui apakah tindakan yang diambil oleh pihak Inggeris terhadap Lela Menteri itu.

Dalam bulan Mac tahun 1872, Datuk Kelana Sungai Ujong dan Datuk Laksamana Syed Abdul Rahman bin Syed Ahmad Al-Qadri telah membuat surat perjanjian membenarkan seorang Inggeris bernama Henry Velge membuka lombong bijih timah atau apa jua maksudnya di Sungai Ujong. Mereka mengaku akan melindungi wakil Henry Velge itu ketika ia menjalankan pekerjaannya di Sungai Ujong. Pada 21 April tahun 1874, sebatang tiang bendera telah didirikan di sisi rumah Datuk Kelana Sungai Ujong di Ampangan. Esoknya, dinaikkanlah bendera Union Jack (bendera Inggeris) ke pucuk tiang itu dengan istiadat tembakan meriam 21 das. Sungguhpun Datuk Kelana telah bersahabat karib dengan orang Inggeris tetapi Datuk Bandar masih tetap tidak mahu bersahabat dengan orang Inggeris dan tidak mahu berjumpa Datuk Kelana serta tidak mahu berjumpa gabenor apabila gabenor itu datang ke Sungai Ujong. Datuk Bandar memandang Datuk Kelana sebagai “patung” kepada orang Inggeris dan dengan itu Datuk Bandar pun memungut cukai di Sungai Ujong mengikut sesuka hatinya sahaja.

Pada suatu masa Datuk Kelana hendak menyerang pihak Datuk Bandar tetapi rancangan itu dibatalkan kerana pada masa itu raja Mahmud dari Selangor yang terkenal gagah berani itu bersembunyi di rumah Datuk Bandar kerana di Selangor sedang berlaku perang saudara. Pada masa itu kekuatan pasukan Datuk Kelana hanyalah satu pasukan polis yang kecil didatangkan dari Negeri-Negeri Selat serta 30 orang ahli perang dari bangsa Arab, Turki dan Mesir dan dua orang Negro berasal dari Somali. Pasukan perang Datuk Kelana diketuai oleh Tengku Abu. Tengku Abu telah menyerang dan dapat menawan Rasah dan Rahang lalu berlakulah pergaduhan di antara pihak Datuk Kelana dengan Datuk Bandar. Apabila berlaku

pergaduhan di Sungai Ujong itu kerajaan Inggeris telah menghantar bantuan kepada Datuk Kelana. Kekuatan pasukan itu ialah 84 orang askar British, 20 orang ahli pasukan meriam dan 54 orang askar yang didatangkan dari kapal Inggeris yang bernama “Charybdis”

Datuk Kelana yang mendapat bantuan dari pihak Inggeris telah menghantar pasukannya menyerang dan menawan Rasah pada 14 Oktober tahun 1874. Kemudian pada malam 11 November 1874 diserangnya pula rumah Datuk Bandar di Kepayang. Seminggu selepas itu dibakarnya pula Rahang. Oleh sebab itu Datuk Bandar telah mengutus surat kepada gabenor di Singapura pada 28 November 1874 menyalahkan perbuatan orang Inggeris yang membantu Datuk Kelana. Kemudian pada 30 November 1874 Datuk Bandar menghantar wakilnya ke Singapura menyatakan kepada kerajaan Inggeris bahawa beliau bersetuju menyerah diri dan tidak lagi mahu berperang dengan Datuk Kelana. Akhirnya pada 16 Disember tahun 1874 Datuk Bandar Haji Ahmad telah menerima perintah dari kerajaan Inggeris memberhentikan perang dengan Datuk Kelana Syed Abdul Rahman.

Dua tahun selepas itu iaitu pada tahun 1876, Yamtuan Antah dari Seri Menanti dengan dibantu oleh Penghulu Muar dan Datuk-datuk di sekitar tempat itu menyerang pihak Datuk Kelana di Sungai Ujong, kerana Yamtuan Antah dan Datuk-datuk yang membantunya itu tidak suka Datuk Kelana bersahabat dengan orang Inggeris dan tidak bersetuju Tengku Ahmad Tunggal (putera almarhum Yamtuan Imam) menuntut hendak menjadi Yamtuan Seri Menanti. Tetapi pihak Yamtuan Antah yang menyerang Sungai Ujong itu tidak berjaya. Pada tahun 1876 itu juga Yamtuan Antah serta beberapa orang Datuk yang menyebelahinya telah membuat surat perjanjian dengan kerajaan Inggeris dan kerajaan Inggeris bersetuju Yamtuan Antah menjadi Yamtuan Seri Menanti untuk memerintah Seri Menanti, Johol, Ulu Muar, Jempol, Teraci, Gunung Pasir dan Inas.

## REMBAU

Pada bulan Mac tahun 1877, Sultan Johor telah datang ke Rembau. Datuk Haji Sahil iaitu Undang Rembau yang kelima belas (1871-1883) telah membuat perjanjian dengan Sultan Johor. Perjan-

jian itu dibuat oleh Datuk Haji Sahil seorang sahaja bagi pihak Rembau. Datuk-datuk Lembaga di Rembau tidak dibawanya sama membuat surat perjanjian itu. Oleh sebab itu Datuk Haji Sahil telah dimusuhi oleh Lembaga-lembaga dan Datuk-datuk di Rembau. Enam tahun kemudian iaitu pada tahun 1883, seramai lapan orang Datuk-datuk Lembaga di Rembau, yang tidak suka kepada Datuk Haji Sahil telah membuat perjanjian pula dengan kerajaan Inggeris. Mereka mengaku akan menyerahkan apa-apa perbalahan yang berlaku di Rembau kepada gabenor Negeri-Negeri Selat menyelesaikannya, dan mengaku menerima apa-apa keputusan dari gabenor itu. Pada tahun itu juga Datuk-datuk Lembaga di Rembau telah memecat Datuk Haji Sahil dari jawatan Undang Rembau lalu melantik seorang daripada mereka yang bernama Serun bin Sidin menjadi Datuk Undang Rembau. Beliau telah memegang jawatan itu hingga tahun 1905. Empat tahun kemudian iaitu pada tahun 1887, Datuk-datuk di Rembau telah membuat perjanjian lagi dengan kerajaan Inggeris di mana mereka bersetuju menyerahkan cukai yang didapati di Rembau kepada kerajaan Inggeris dan bersetuju pula sebahagian daripada urusan undang-undang mahkamah di Rembau ditadbirkan oleh seorang pegawai Inggeris yang dilantik oleh gabenor. Di samping itu satu pertiga daripada hasil-mahsul pendapatan di Rembau akan diberi kepada Undang Rembau dan Datuk-datuk lain di Rembau.

### **JELEBU**

Pada tahun 1886, Datuk Undang Jelebu telah membuat perjanjian dengan kerajaan Inggeris di mana Jelebu bersetuju menerima seorang pegawai Inggeris bagi mengatur pemerintahan di sana.

### **SERI MENANTI**

Pada tahun 1888 Yamtuan Antah mangkat dan digantikan oleh puteranya Tunku Muhammad sebagai Yamtuan Seri Menanti dengan gelaran Tuanku Muhammad dan memerintah “Tanah Mengandung” di bawah naungan perintah kerajaan Inggeris.

### **Daerah-daerah Di Timur**

Pada tahun 1889, daerah-daerah di bahagian timur Negeri Sembilan iaitu Rembau, Tampin dan Seri Menanti serta mukim-

mukimnya termasuk Gemencheh telah bersatu ke bawah naungan perintah kerajaan Inggeris dengan diperintah oleh seorang residen British.

### **Daerah-daerah Di sebelah Barat**

Daerah-daerah di bahagian barat Negeri Sembilan ialah Sungai Ujong dan Jelebu. Kedua-duanya telah bersatu lalu masuk ke bawah naungan perintah kerajaan Inggeris dengan diperintah oleh seorang pegawai Inggeris yang bergelar “British Resident of Sungai Ujong”.

### **Kesatuan Negeri Sembilan**

Pada tahun 1895, Yamtuan Seri Menanti (Tuanku Muhammad), Undang Luak Johol, Sungai Ujong, Jelebu, Rembau dan Tengku Besar Tampin telah menyatukan semua daerah itu dan dinamakan “Negeri Sembilan” lalu bernaung di bawah perintah kerajaan Inggeris dan mempunyai seorang residen British bagi seluruh Negeri Sembilan. Pegawai Inggeris yang mula-mula menjadi residen bagi Negeri Sembilan ialah Martin Lister. Pada tahun 1895 itu juga Negeri Sembilan disekutukan dengan negeri Perak, Selangor dan Pahang dalam Persekutuan yang dinamakan “Negeri-Negeri Melayu Bersekutu”. Pada tahun 1897, Martin Lister residen Negeri Sembilan telah meninggal dunia dan digantikan oleh E.W. Birch. Pada tahun 1898, Undang Yang Empat di Negeri Sembilan iaitu Undang Luak Sungai Ujong, Jelebu, Johol dan Rembau telah melantik Tuanku Muhammad iaitu Yamtuan Seri Menanti menjadi Yang Dipertuan Besar bagi seluruh Negeri Sembilan dan bagindalah yang pertama menjadi Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan.

## **Raja-Raja Yang Memerintah di Negeri Sembilan Sejak Raja Melewar Hingga Sekarang**

Raja Melewar 1773 — 1795

Yamtuan Hitam 1795 — 1808

Yamtuan Lenggang 1808 — 1824

Yamtuan Radin 1830 — 1861

Yamtuan Imam 1861 — 1869

Tengku Puan Intan (Pemangku Raja) 1869 — 1872

Yamtuan Antah 1872 — 1888

Tuanku Muhammad 1888 — 1933

Tuanku Abdul Rahman 3.8.1933 — 1.4.1960

(Yang di-Pertuan Agong 3.8.1957 — 1.4.1960)

Tuanku Munawir 5.4.1960 — 14.4.1967

Tuanku Jaafar 18.4.1967 — hingga sekarang

(Timbalan Yang di-Pertuan Agong)